

## **Sinonim tetapi tidak seerti?**

**oleh Zaidi Ismail**

Menurut *Kamus Dewan* (1994: 1287), sinonim ialah kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain atau kata seerti, contohnya kata *pandai* sama maknanya dengan kata *bijak*, *cerdik* dan *pintar*. Abdullah Hassan, dalam *Tesaurus Bahasa Melayu* (2003: 293), juga memberikan padanan makna yang sama dengan *Kamus Dewan*, iaitu *seerti* dan *semakna*. Dalam *Kamus Dewan*, kata sinonim ditandakan sebagai salah satu daripada istilah linguistik.

Walau bagaimanapun, dalam penggunaannya, khususnya dalam akhbar berbahasa Melayu, kata sinonim telah digunakan secara tidak tepat dan tidak membawa maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan* dan *Tesaurus Bahasa Melayu*.

Contohnya:

1. Perkataan idola seolah-olah **sinonim** dengan artis, apatah lagi apabila soalan tentang idola ditanyakan dalam rancangan hiburan.
2. Ajai dan Nurul, pasangan suami isteri yang begitu **sinonim** dengan lagu Aku Cinta Aku Rindu.
3. Lebih unik lagi, Umno yang menjadi tulang belakang BN, begitu **sinonim** dengan orang Melayu Johor.
4. “Banyak membaca fikiran kaya” adalah antara peribahasa Melayu yang **sinonim** dengan kepentingan membaca ....
5. ... peralatan muzik ini amat **sinonim** dengan masyarakat tempatan.
6. ... ia boleh menyumbang kepada keamanan sejagat – sesuatu yang **sinonim** dengan seruan Perdana Menteri di pelbagai forum antarabangsa bahawa dunia perlu diamankan semula.

Kata sinonim dalam ayat tersebut sekiranya digantikan dengan kata **seerti** akan menjadi:

- 1a. Perkataan idola seolah-olah **seerti** dengan artis, apatah lagi apabila soalan tentang idola ditanyakan dalam rancangan hiburan.
- 2a. Ajai dan Nurul, pasangan suami isteri yang begitu **seerti** dengan lagu Aku Cinta Aku Rindu.
- 3a. Lebih unik lagi, Umno yang menjadi tulang belakang BN, begitu **seerti** dengan orang Melayu Johor.
- 4a. “Banyak membaca fikiran kaya” adalah antara peribahasa Melayu yang **seerti** dengan kepentingan membaca ....
- 5a. ... peralatan muzik ini amat **seerti** dengan masyarakat tempatan.
- 6a. ... ia boleh menyumbang kepada keamanan sejagat – sesuatu yang **seerti** dengan seruan Perdana Menteri di pelbagai forum antarabangsa bahawa dunia perlu diamankan semula.

Dengan demikian bermakna kata **idola seerti dengan artis; Ajai dan Nurul seerti dengan lagu Aku Cinta Aku Rindu; Umno seerti dengan orang Melayu Johor; “Banyak membaca fikiran kaya” seerti dengan kepentingan membaca; peralatan muzik seerti dengan masyarakat tempatan; dan sesuatu yang seerti dengan seruan Perdana Menteri**

Makna ini tentu sekali janggal bunyinya, tetapi itulah makna yang sebenarnya yang terkandung dalam ayat tersebut sekiranya kata sinonim yang digunakan dalam ayat tersebut adalah merujuk pada makna yang terdapat dalam *Kamus Dewan*. Namun, penulis beranggapan kata sinonim yang digunakan dalam ayat tersebut bukanlah yang membawa kepada maksud yang sedemikian.

Jadi, supaya pembaca lebih jelas dan tidak terkeliru dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan melalui ayat tersebut, kata sinonim sepatutnya tidak digunakan dan

perlu digantikan dengan kata lain yang lebih sesuai, seperti **berkait rapat**. Dengan demikian ayat tersebut akan menjadi:

- 1b. Perkataan idola seolah-olah **berkait rapat** dengan artis, apatah lagi apabila soalan tentang idola ditanyakan dalam rancangan hiburan.
- 2b. Ajai dan Nurul, pasangan suami isteri yang begitu **berkait rapat** dengan lagu Aku Cinta Aku Rindu.
- 3b. Lebih unik lagi, Umno yang menjadi tulang belakang BN, begitu **berkait rapat** dengan orang Melayu Johor.
- 4b. “Banyak membaca fikiran kaya” adalah antara peribahasa Melayu yang **berkait rapat** dengan kepentingan membaca ....
- 5b. ... peralatan muzik ini amat **berkait rapat** dengan masyarakat tempatan.
- 6b. ... ia boleh menyumbang kepada keamanan sejagat – sesuatu yang **berkait rapat** dengan seruan Perdana Menteri di pelbagai forum antarabangsa bahawa dunia perlu diamankan semula.

Sebenarnya, selain ayat tersebut masih banyak lagi ayat yang penulis temukan dalam Pangkalan Data Korpus yang bersumberkan dua buah akhbar utama yang berbahasa Melayu terbitan dari tahun 2002 hingga 2005. Selain ayat yang telah dipaparkan tadi, ada 103 ayat lagi yang menggunakan kata sinonim secara tidak tepat, antaranya:

7. Terbaru, syarikat rakaman Nova Music (M) Sdn. Bhd. yang begitu **sinonim** dengan jenama klasik memperkenalkan pula Klasik Pop.
8. TY INC sememangnya cukup **sinonim** sebagai pengeluar anak patung eksklusif yang menjadi kegemaran ramai di seluruh dunia.
9. Senario kini satu nama yang begitu **sinonim** dalam dunia seni tempatan ....
10. Naib Presiden Eksekutif Resorts World Berhad, Lee Choong Yan, dalam ucapannya berkata, Genting selama ini memang **sinonim** dengan penganjuran pelbagai majlis anugerah, konsert dan pertandingan ratu cantik.

11. Gelanggang Seni di Kota Bharu yang **sinonim** sebagai medan persembahan pelbagai kegiatan seni dan budaya kini mengheret penggiat teater ....
12. Saya ingin jelaskan bahawa Kelantan **sinonim** dengan batik kerana mempunyai ramai pengusaha dan tenaga kerja mahir.

Kata sinonim dalam ayat tersebut sepatutnya digantikan dengan kata **terkenal** atau **popular**, dan diubah menjadi:

- 7a. Terbaru, syarikat rakaman Nova Music (M) Sdn. Bhd. yang begitu **terkenal** dengan jenama klasik memperkenalkan pula Klasik Pop.
- 8a. TY INC sememangnya cukup **terkenal** sebagai pengeluar anak patung eksklusif yang menjadi kegemaran ramai di seluruh dunia.
- 9a. Senario kini satu nama yang begitu **terkenal** dalam dunia seni tempatan ....
- 10a. Naib Presiden Eksekutif Resorts World Berhad, Lee Choong Yan, dalam ucapannya berkata, Genting selama ini memang **terkenal** dengan penganjuran pelbagai majlis anugerah, konsert dan pertandingan ratu cantik.
- 11a. Gelanggang Seni di Kota Bharu yang **terkenal** sebagai medan persembahan pelbagai kegiatan seni dan budaya kini mengheret penggiat teater ....
- 12a. "Saya ingin jelaskan Kelantan **terkenal** dengan batik kerana mempunyai ramai pengusaha dan tenaga kerja mahir.

Selain dapat digantikan dengan kata terkenal, kata sinonim dalam ayat 7 – 12 juga dapat digantikan dengan kata **popular**.

Selain itu, ada juga kata sinonim yang digunakan dalam ayat-ayat tertentu membawa maksud **dekat** (dari segi hubungan), contohnya:

13. ... pemilihan Sarimah sebagai duta produk bertepatan dengan keperibadiannya yang periang dan mudah didekati, terutama kanak-kanak yang sememangnya **sinonim** dengan beliau menerusi program kanak-kanak di televisyen.
14. Berteraskan konsep perniagaan “penerbangan jimat dengan tambang murah” AirAsia kini semakin **sinonim** dengan masyarakat Malaysia.
15. Lalu lahirlah ciptaan Malaysia, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang begitu **sinonim** dengan rakyat mutakhir ini.

16. Dengan kata lain, kecantikan itu sendiri amat **sinonim** sekali dengan wanita, dan ia perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Kata sinonim yang digunakan dalam ayat 13 – 16 sepatutnya digantikan dengan kata **dekat**, dan diubah menjadi:

- 13a. ... pemilihan Sarimah sebagai duta produk bertepatan dengan keperibadiannya yang periang dan mudah didekati, terutama kanak-kanak yang sememangnya **dekat** dengan beliau menerusi program kanak-kanak di televisyen.
- 14a. Berteraskan konsep perniagaan “penerbangan jimat dengan tambang murah” AirAsia kini semakin **dekat** dengan masyarakat Malaysia.
- 15a. Lalu lahirlah ciptaan Malaysia, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang begitu **dekat** dengan rakyat mutakhir ini.
- 16a. Dengan kata lain, kecantikan itu sendiri amat **dekat** sekali dengan wanita, dan ia perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Kata sinonim dalam ayat yang berikut pula sepatutnya digantikan dengan kata **sebatি**:

17. Memanglah The Actor's Studio telah **sinonim (sebatি)** dengan teater Inggeris.
18. Kejutan bukan sahaja pertandingan antara adik-beradik yang berlainan parti bertanding di satu kawasan, tetapi juga politik lompat yang menjadi **sinonim (sebatি)** dengan politik Sabah.
19. “Sepahit-pahit hempedu pahit lagi bermadu”, kata-kata yang cukup **sinonim (sebatি)** dengan perasaan wanita yang suami mereka berkahwin dua atau lebih.
20. Watak gadis baik, isteri dan ibu penyayang sudah **sinonim (sebatি)** dengan pelakon Tengku Noraishah Tengku Abdul Aziz atau Tasha.
21. Langkawi dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah satu nama yang **sinonim (sebatি)** dan tidak dapat dipisahkan kerana Perdana Menteri dianggap arkitek utama dalam merancang dan memacu pembangunan di pulau yang kaya dengan mitos silam itu.
22. Tidak hairanlah gelaran “bintang air mata” cukup **sinonim (sebatি)** dengan dirinya sehingga ke hari ini, walaupun sudah lama bersara dalam dunia lakonan.

23. Kini, sifat mengumpat tidak lagi **sinonim (sebatি)** dengan wanita, malah golongan lelaki dalam keadaan-keadaan yang tertentu telah dapat mengatasi wanita dalam tugas ini.
24. Adalah jelas ia sebenarnya “ongkos pelicin” yang sudah **sinonim (sebatি)** dengan kebanyakan pihak berkuasa republik itu.

Selain dapat digantikan dengan kata **berkait rapat, terkenal/popular, dekat, dan sebatি**, ada juga kata sinonim yang sepatutnya digantikan dengan kata **sama, serasi, biasa, dan dianggap**, contohnya:

25. Dari segi mesejnya, cerita Raden Galoh ini **sinonim (sama)** seperti cerita lain yang terdapat dalam naskhah sastera lama seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan sebagainya.
26. Tarikh permulaan mesyuarat kali ini yang **sinonim (sama)** dengan tarikh insiden 11 September 2001, tentunya juga ....
27. "Saya akui amat **sinonim (serasi)** dengan lagu-lagu yang mendayu dan romantik.
28. Bagi kebanyakan umat Islam ibadat haji sudah **sinonim (dianggap)** sebagai “penyelamat” menghapus dosa dan noda sebelum menghembuskan nafas terakhir.
29. Ismail sebagai pengarah tidak perlu bekerja keras untuk membentuk Eman yang boleh dikatakan sudah **sinonim (biasa)** dengan watak sedemikian sebagaimana filem-filem lakonannya sebelum ini ....

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, daripada 110 data (ayat) yang terdapat dalam Pangkalan Data Korpus yang bersumberkan dua buah akhbar utama berbahasa Melayu, 109 daripadanya menggunakan kata sinonim yang tidak membawa maksud seerti atau semakna. Hanya ada satu ayat yang menggunakan kata sinonim secara tepat, iaitu:

30. Kamus telapak yang dihasilkan ini mempunyai lebih daripada 20,000 kata masukan utama di samping contoh ayat, frasa, antonim atau **sinonim**, sebutan bagi semua kata Inggeris ....

Hal ini tentulah amat merisaukan kerana penulis berita boleh mempengaruhi pembaca, terutamanya para pelajar ke arah penggunaan kata-kata yang tidak tepat dalam penulisan. Para pelajar mungkin menganggap kata-kata yang digunakan itu adalah betul kerana telah digunakan dengan meluas dalam akhbar. Penulis berita dalam akhbar sepatutnya menggunakan kata-kata yang tepat dalam membentuk sesebuah ayat kerana ketidaktepatan penggunaan sesuatu kata boleh merubah maksud ayat.